Ringgit

NOVEMBER 2012

RAKAN KEWANGAN ANDA

ISSN 2180-3684 • Bil 11/12 • KKDN: PP 16897/05/2013 (032581)



Pekerja Muda Hadapi Masalah Hutang Serius

di dalam RINGGIT bulan ini

- Merancang Perkahwinan Dan Keluarga
- Eratkan Hubungan Kekeluargaan Dengan Penambahan Simpanan Di KWSP
- Panduan Melabur Dalam Unit Amanah
- Cara Mengendalikan Wang Polimer Yang Betul

ISSN 2180-3684
9 772180 368003

FOMCA GABUNGAN PERSATUAN-PERSATUAN PENGGUNA MALAYSIA

BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Sidang Redaksi

Penasihat
Datuk Marimuthu Nadason
Presiden FOMCA

Ketua Sidang Pengarang
Dato' Paul Selva Raj

Editor
Mohd Yusof bin Abdul Rahman

Sidang Pengarang
Siti Rahayu bt Zakaria
Yu Kin Len

Ringgit merupakan penerbitan usaha sama di antara Bank Negara Malaysia dan FOMCA. Ia diterbitkan pada setiap bulan. Untuk memuat turun Ringgit dalam format "PDF", sila layari laman sesawang www.fomca.org.my dan www.bnm.gov.my

Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia
No. 1D-1, Bangunan SKPPK
Jalan SS9A/17
47300 Petaling Jaya
Selangor Darul Ehsan
Tel : 03-7876 2009
Faks : 03-7877 1076
E-mel : fomca@fomca.org.my
Sesawang: www.fomca.org.my

Bank Negara Malaysia
Jalan Dato' Onn
50480 Kuala Lumpur
Tel :03-2698 8044
Faks : 03-2174 1515

Diurus terbit oleh:
Pusat Penyelidikan dan Sumber Pengguna (CRRC)
No. 1D-1, Bangunan SKPPK
Jalan SS9A/17
47300 Petaling Jaya
Selangor Darul Ehsan
Tel : 03-7875 2392
Faks : 03-7875 5468
E-mel : info@crrc.org.my
Sesawang: www.crrc.org.my

Dicetak oleh:
ڤرچيتقكن اساس جاي (مليسيا) سنديرين برحد
Percetakan Asas Jaya (M) Sdn Bhd
No. 5B Tingkat 2
Jalan Pipit 2
Bandar Puchong Jaya
47100 Puchong Jaya
Selangor Darul Ehsan

Artikel yang disiarkan dalam Ringgit tidak semestinya mencerminkan pendirian dan dasar Bank Negara Malaysia atau FOMCA. Ia merupakan pendapat penulis sendiri.



KAJIAN:
Pekerja Muda Hadapi Masalah Hutang Serius

Persatuan Pendidikan dan Penyelidikan Untuk Pengguna, Malaysia (ERA Consumer Malaysia) dan Pusat Penyelidikan dan Sumber Pengguna (CRRC) telah menjalankan satu kajian terhadap perilaku dan tabiat kewangan golongan pekerja muda. Kajian berdasarkan kaji selidik ini mensasarkan kepada golongan pekerja muda yang berusia antara 18 tahun hingga 35 tahun di sekitar wilayah tengah Semenanjung Malaysia (Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya). Responden dipilih berdasarkan pangkalan data yang diberikan oleh Jabatan Statistik Malaysia. Saiz sampel kajian tersebut ialah sebanyak 1,002.











Penemuan yang utama

Hasil kajian telah menunjukkan bahawa lebih kurang 47% pekerja muda mempunyai hutang yang serius, iaitu lebih daripada 30% daripada gaji bulanan mereka digunakan untuk membayar hutang. Pembiayaan tetap bulanan mereka terdiri daripada pinjaman rumah, pinjaman kereta, pinjaman peribadi, pinjaman pelajaran dan insurans.

Kajian juga mendapati, 37% pekerja muda mengaku bahawa mereka berbelanja melebihi daripada tahap kemampuan mereka. Ini merupakan salah satu penyebab utama yang akan mengakibatkan seseorang menghadapi masalah dalam pengurusan kewangan.

Selain itu, terdapat 37% pekerja muda tidak pernah memikirkan tentang pelan persaraan mereka. Bagi yang pernah berfikir tentang persaraan pula, 60% daripada mereka tidak berpuas hati atau kurang berpuas hati tentang pelan persaraan mereka. Ini menunjukkan pekerja muda tersebut kurang pendedahan tentang kepentingan pelan persaraan. Kebanyakan mereka beranggapan bahawa persaraan merupakan sesuatu yang tidak perlu difikirkan, atau hanya perlu risau sehingga tiba masa untuk mereka bersara.

Responden juga ditanya soalan "Bagaimana anda menilai pengetahuan kewangan peribadi anda?" Responden dikehendaki memilih skala 1 hingga 6 tentang pengetahuan mereka tentang kewangan peribadi, iaitu skala 1 menunjukkan mereka mempunyai pengetahuan yang baik tentang pengurusan kewangan peribadi, manakala skala 6 tidak mempunyai pengetahuan langsung. Skor purata bagi persepsi pengetahuan kewangan individu adalah 3.4. 43% daripada pekerja muda tersebut memilih skor 4 dan ke atas, yang bermaksud mereka mempunyai sedikit pengetahuan tentang kewangan peribadi.

... bersambung ke muka 7



Merancang Perkahwinan Dan Keluarga

Perkahwinan adalah suatu komitmen yang besar dan anda hanya boleh berumah tangga jika anda telah bersedia memikul tanggungjawab tersebut. Anda juga akan berhadapan dengan isu-isu kehidupan sebenar termasuk isu kewangan.

Perkahwinan

Anda seharusnya bersikap realistik tentang perbelanjaan perkahwinan anda. Anda pastinya akan terperanjat apabila mengetahui betapa besarnya jumlah yang terlibat bagi semua perbelanjaan yang berkaitan, seperti hadiah, majlis istiadat, jamuan makan, pakaian, kasut, barangan hantaran dan gambar perkahwinan.

Dalam membuat perancangan perkahwinan, antara aspek yang perlu difikirkan adalah:-

a) Sediakan senarai barangan yang mustahak bagi perkahwinan anda.

b) Berbincang dengan pasangan anda tentang jumlah wang yang anda mampu peruntukkan.

c) Dapatkan petua dan nasihat daripada orang yang berpengalaman dan cara berbelanja secara berhemat.

d) Jangan berbelanja sehingga anda terpaksa meminjam daripada ahli keluarga atau bank.

Anda sepatutnya membuat simpanan awal bagi perkahwinan sebagai sebahagian daripada perancangan kewangan anda secara menyeluruh. Terdapat banyak kes tentang pasangan yang mengalami masalah disebabkan hutang besar yang terpaksa ditanggung kerana perbelanjaan perkahwinan.

Perkahwinan dan keluarga

Wang merupakan isu yang sensitif. Ini menyebabkan ramai pasangan yang mengharungi alam perkahwinan tanpa berbincang antara satu sama lain secara terbuka mengenainya. Berikut adalah perkara yang melibatkan keputusan kewangan bersama (dengan andaian anda berdua bekerja):-

- Perancangan kewangan anda sepatutnya beralih daripada perancangan individu kepada perancangan bersama pasangan.

- Buat keputusan untuk menangani bil-bil rutin, perbelanjaan untuk keluarga dan anak, bajet isi rumah, termasuk simpanan dan pelaburan.

- Untuk membuat bayaran bagi perbelanjaan bersama, simpan duit di dalam akaun bersama setiap bulan. Kaji semula perbelanjaan ini sekurang-kurangnya sebulan sekali untuk melihat sama ada perbelanjaan bertambah kerana inflasi ataupun gaya hidup anda yang baru.

- Jika anda berdua membuat keputusan untuk menggunakan kad kredit untuk perbelanjaan bersama, pastikan pasangan mempunyai akses kepada akaun bersama untuk memudahkan pembayaran kad kredit.



"Adalah bijak untuk mempunyai portfolio pelaburan yang serupa bagi memenuhi matlamat kewangan anda seperti persaraan bersama dan hidup dalam keselesaan. Pelaburan ini juga adalah untuk menanggung pembiayaan pengajian dan kos sara hidup anak anda nanti."

- Sepertimana perancangan semasa anda bujang, anda perlu menyediakan dana kecemasan untuk menghadapi perbelanjaan di luar dugaan yang mungkin membebankan anda, pasangan atau keluarga anda.

- Bincang tentang cara pelaburan anda dan pasangan, termasuk jenis risiko dan kecenderungannya. Adalah bijak untuk mempunyai portfolio pelaburan yang serupa bagi memenuhi matlamat kewangan anda seperti persaraan bersama dan hidup dalam keselesaan. Pelaburan ini juga adalah untuk menanggung pembiayaan pengajian dan kos sara hidup anak anda nanti.

Hutang kewangan

Anda harus berbincang tentang hutang yang akan dibebani bersama.Setiap pasangan harus membuat komitmen untuk menyelesaikan hutang masing-masing dalam jangka masa tertentu selepas berkahwin, sekiranya hutang tersebut tidak dapat dijelaskan sebelum berkahwin.

Sekiranya perlu untuk mendapatkan pinjaman atau kad kredit selepas berkahwin, berbincanglah terlebih dahulu tentang komitmen dan kemampuan anda. Anda dan pasangan tidak perlu berselindung daripada berbincang tentang perkara hutang. Dilaporkan bahawa sesetengah perkahwinan gagal kerana masalah hutang yang dialami oleh pasangan mereka.

Semakan kewangan

Menyediakan bajet bulanan dan membuat semakan bagi perbelanjaan seminggu sekali menggunakan aliran tunai merupakan amalan yang sihat bagi keluarga anda. Nilai harta bersih keluarga anda (aset dan liabiliti) dan komitmen kewangan isi rumah sepatutnya disemak setiap bulan.

Anda dan pasangan mesti mengkaji perbelanjaan perumahan dan harta nilai bersih setiap bulan. Jadikan ini suatu amalan yang ceria bersama-sama pasangan anda. Bincang secara positif untuk meningkatkan komitmen kewangan isi rumah, berusaha mencari idea yang kreatif dan bernas untuk menambahkan wang masing-masing dan keluarga anda.

Sumber : Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK)

Eratkan Hubungan Kekeluargaan Dengan Penambahan Simpanan di KWSP



Keluarga memainkan peranan penting dalam kehidupan seharian. Amat sukar untuk menjalani sesuatu kehidupan tanpa belaian kasih sayang keluarga. Anda mungkin sanggup berkorban nyawa demi keselamatan keluarga walaupun kadangkala anda cenderung untuk mengabaikan mereka tanpa disedari.

Tidak dapat dinafikan, untuk membahagikan masa antara keluarga, rakan-rakan, kerjaya, hobi dan beberapa perkara penting dalam hidup bukanlah sesuatu yang mudah untuk dilakukan. Dalam dunia yang penuh persaingan dan materialistik ini, anda cenderung untuk bersikap kurang sensitif dan tidak peka dengan keperluan mereka yang berada di sekeliling, terutamanya ahli keluarga sendiri.

Menzahirkan Kasih Sayang Adalah Proses Yang Mudah

Alangkah baiknya jika anda dapat meluangkan sedikit masa untuk meluahkan rasa kasih sayang anda kepada keluarga. Hanya dengan satu panggilan atau khidmat pesanan ringkas (SMS) bertanyakan khabar, sudah cukup untuk menzahirkan kasih sayang anda kepada keluarga. Ia mungkin nampak kecil, namun lebih baik daripada langsung tidak berbuat apa-apa. Dengan pendekatan yang agak berbeza, anda mungkin boleh memberikan sesuatu yang bermakna kepada orang yang anda sayangi. Dengan sedikit usaha, anda mampu merapatkan lagi hubungan dengan pasangan anda mahupun dengan ibu bapa.

Kemudahan Pelan Penambahan Simpanan

Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) merupakan sebuah organisasi yang unik kerana, selain daripada usaha berterusan untuk menyediakan simpanan asas untuk hari tua, KWSP juga sentiasa mencetuskan peluang bagi meningkatkan simpanan persaraan serta menerapkan nilai-nilai murni dalam kalangan ahlinya.

KWSP telah menyediakan pelan Penambahan Simpanan atau '*Topping Up*' khas untuk menggalakkan ahli keluarga supaya saling membantu dalam merancang masa depan mereka. Pelan ini merupakan penyelesaian terbaik dalam menghadapi situasi semasa yang kecukupan kewangan adalah antara faktor penting untuk menjalani kehidupan yang selesa.

Pelan Penambahan Simpanan ini membenarkan anak ahli membuat penambahan ke dalam akaun simpanan ibu bapa dan pasangan suami isteri boleh menambah simpanan sesama sendiri. Anda tidak semestinya menjadi ahli KWSP untuk menambah simpanan ibu bapa atau pasangan anda atau kedua-duanya sekali. Akan tetapi, ibu bapa atau pasangan anda mestilah merupakan ahli KWSP untuk anda menambah simpanan ke dalam Akaun 1 mereka secara tunai ataupun cek, pada bila-bila masa sebelum mereka mencapai umur 55 tahun.

Sediakan Payung untuk Keluarga Anda Sebelum Hujan

Pelan Penambahan Simpanan ini bukan sahaja mudah, malah amat praktikal. Selain daripada memberikan wang tunai kepada ibu bapa atau pasangan anda, anda boleh mendepositkan sejumlah wang ke dalam akaun KWSP mereka untuk membolehkan mereka menikmati faedahnya dalam jangka masa panjang. Inisiatif ini membolehkan anda meningkatkan simpanan persaraan ahli keluarga anda. Ini amat penting bagi memastikan ahli keluarga anda tidak menghadapi masalah kewangan semasa mereka bersara.

Anda tidak perlu membuat penambahan dalam jumlah yang besar ke dalam akaun ibu bapa atau pasangan anda. Dengan hanya serendah RM50, anda boleh memastikan insan-insan yang anda sayangi memiliki simpanan yang mencukupi semasa bersara. Namun, sekiranya anda berkemampuan, tiada sebarang had maksimum yang ditentukan untuk anda menambah simpanan KWSP mereka. Bagaimanapun, jumlah yang disumbangkan bukanlah faktor utama, sebaliknya apa yang lebih bermakna adalah, sikap mengambil berat dan bertanggungjawab terhadap keluarga bagi memastikan mereka menikmati persaraan yang selesa.

Walaupun perjalanan untuk persaraan tampak masih jauh, adalah lebih baik jika ia dirancang lebih awal. Sebagai seorang anak, anda bertanggungjawab menjaga kebajikan ibu bapa yang bakal bergantung sepenuhnya kepada simpanan persaraan bagi menampung kos kehidupan harian semasa mereka bersara. Begitu juga bagi suami dan isteri; mereka perlu mengambil berat di antara satu sama lain, terutamanya setelah mereka bersara kelak.

Keluarga Anda Adalah Anugerah yang Paling Bernilai

Ibu bapa tidak boleh dicari ganti. Oleh itu, sudah menjadi tanggungjawab anda untuk memastikan kebajikan mereka terjaga sepertimana mereka berkorban untuk anda dahulu. Begitu juga kasih sayang antara suami isteri sangat tinggi nilainya. Demi memastikan sistem kekeluargaan di Malaysia terus kukuh, KWSP telah menyediakan alternatif terbaik menerusi Pelan Penambahan Simpanan. Kini, terpulang kepada anda untuk memulakan langkah.

Artikel disumbangkan oleh Kumpulan Wang Simpanan Pekerja.

... dari muka 3

Selain itu, responden juga menilai diri mereka dalam menguruskan kewangan peribadi pada skala 1 hingga 5, iaitu skala 1 menunjukkan mereka dapat menguruskan wang dengan sangat baik dan 4 pula adalah lemah, manakala skala 5 adalah tiada sebarang pendapat. 61.3% daripada responden mengaku bahawa mereka lemah dalam menguruskan kewangan.

Suruhanjaya Pendidikan Kewangan Kebangsaan

Untuk menangani tentang isu-isu pengurusan kewangan yang lemah dalam kalangan pekerja muda, FOMCA telah mencadangkan supaya ditubuhkan Suruhanjaya Pendidikan Kewangan Kebangsaan untuk menyepadukan dan menyelaras pendidikan kewangan bagi semua sektor, termasuk sekolah, pekerja muda, masyarakat dan keluarga.

Pendidikan kewangan dapat membantu pengguna dalam menguruskan kewangan mereka dengan lebih baik serta mempunyai pengetahuan tentang sesuatu produk dan perkhidmatan kewangan.



Apa itu unit amanah?

Unit amanah merupakan salah satu produk pelaburan yang popular dalam kalangan pelabur. Ini dapat dibuktikan dengan adanya 40 buah syarikat pengurusan unit amanah di Malaysia dan 602 dana unit amanah dalam pasaran. Ini bukanlah suatu yang menghairankan kerana unit amanah merupakan salah satu cara untuk pelabur yang mempunyai modal minimum untuk melabur dan mempelbagaikan pelaburan mereka.

Tetapi, apakah itu unit amanah? Unit amanah merupakan skim pelaburan yang mengumpulkan wang daripada ramai pelabur yang berkongsi matlamat kewangan yang sama. Sebagai pertukaran kepada wang itu, dana menerbitkan unit kepada pelabur yang dikenali sebagai pemegang unit. Pemegang unit boleh menjual semula (iaitu menebus) unit mereka kepada dana, atau membeli (dan menjual) unit seterusnya.

Pengurusan dana

Dana diurus oleh sekumpulan pengurus profesional (dikenali sebagai syarikat pengurusan unit amanah) yang akan melabur wang yang terkumpul dalam portfolio sekuriti seperti saham, bon dan instrumen pasaran wang atau sekuriti-sekuriti lain yang dibenarkan untuk mencapai objektif dana.

Pendapatan

Dana unit amanah memperoleh pendapatan daripada pelbagai pelaburan dalam bentuk dividen, pendapatan faedah dan perolehan modal. Pendapatan ini kemudian diagihkan kepada pemegang saham mengikut nisbah pegangan unit mereka, dalam bentuk dividen atau unit bonus.

Perlindungan untuk pemegang unit

Sebagai pemegang unit, perlindungan anda dalam unit amanah dipastikan melalui cara unit amanah itu dibentuk. Unit amanah sebenarnya satu amanah. Perlindungannya terkandung dalam surat ikatan yang menyatakan kewajipan, tanggungjawab dan jangkaan tiga pihak dalam unit amanah iaitu:



Ada beberapa sumber maklumat yang perlu anda kaji apabila memilih dana. Sumber tersebut ialah prospektus dana, surat ikatan amanah dan penyata kewangan yang mengandungi laporan tahunan dan interim yang boleh didapati secara percuma untuk semakan di premis pengurus dana.

Baca prospektus

Prospektus merupakan dokumen yang amat penting kerana ia mengandungi matlamat dana, strategi pelaburan dan polisi serta pulangan dan risiko yang diambil. Ia mungkin bahan bacaan yang agak sukar difahami, tetapi anda perlu membaca dengan teliti untuk memastikan bahawa matlamat pelaburan anda sama dengan dana tersebut.



Kesimpulan

Sebagai pelabur, anda perlu mempertimbang faktor berikut ketika memilih dana:

- Objektif pelaburan – pastikan objektif dana dan matlamat pelaburan anda adalah selaras;
- Polisi pelaburan - jenis pelaburan dan strategi yang dibenarkan perlulah selari dengan matlamat dan toleransi risiko anda;
- Saiz dana dan aliran pertumbuhan;
- Sebarang sekatan pelaburan, seperti pelaburan minimum yang diperlukan;
- Tahap risiko pelaburannya - unit amanah tidak terlepas daripada risiko sepenuhnya;
- Jenis dan jumlah yuran;
- Prestasi lepas jumlah pulangan tahunan, NAV (nilai aset bersih, iaitu nilai bagi setiap unit), nisbah belanja, dan terutama pembahagian pendapatan kepada pelabur, dan pertumbuhan aset - supaya anda boleh mengukur prestasi dana selama ini;
- Portfolio pelaburan terkini - supaya anda tahu peratusan pegangan bagi setiap jenis aset; dan
- Maklumat berkenaan Lembaga Pengarah dan kumpulan pengurusan utama.

Artikel perancangan kewangan dan pelaburan ini merupakan salah satu usaha berterusan SIDC dalam melahirkan pelabur yang arif dan berpengetahuan dalam pasaran modal. Selain itu, SIDC turut meningkatkan tahap kesedaran mengenai pelaburan bijak dan pengurusan kewangan melalui seminar dan bengkel pendidikan pelabur yang disasarkan untuk pelbagai lapisan masyarakat, seperti pelajar sekolah, pelajar institusi pengajian tinggi, ibu bapa, wanita dan pekerja kolar putih dan biru. Untuk maklumat lanjut, layari www.min.com.my, hubungi 03-62048889 atau lawati Facebook kami di www.facebook.com/PelaburMalaysia



Cara Mengendalikan Wang Polimer Yang Betul

Wang polimer denominasi RM1 dan RM5 telah mula diperkenal dalam siri wang kertas Malaysia baharu. Antara ciri wang polimer ialah:

1. Ia tidak serap air mahupun cecair lain.
2. Ia bukan daripada bahan berserat – oleh itu ia tidak mudah koyak jika dilipat berulang kali.
3. Ia sukar untuk dikoyakkan. Walau bagaimanapun, sekali wang polimer terkoyak, ia mudah terkoyak dengan lebih teruk.
4. Ia tidak mudah bertanda atau menjadi kotor. Ia juga lebih bersih kerana bakteria tidak mudah merebak di atasnya.
5. Ia lebih kuat dan tahan lama berbanding dengan wang kertas.
6. Adalah sukar serta mengambil masa dan mahal untuk memalsukan wang polimer.

Bank Negara Malaysia ingin berkongsi tip-tip berikut bagi memastikan wang polimer dikendalikan dengan cara yang betul. Tip-tip ini membolehkan wang polimer digunakan dengan lebih lama di dalam edaran. Bank Negara Malaysia berharap anda akan berkongsi tip pengendalian ini dengan ahli keluarga dan sahabat handai anda.

Apa yang Perlu Anda Buat

1. Simpan wang polimer secara mendatar dalam beg duit anda. Wang polimer ini tidak sepatutnya dilipat berulang kali kerana ia akan meninggalkan kesan berlipat yang kekal.



2. Gunakan gelung kertas apabila hendak membungkus wang polimer.



3. Wang polimer yang bertanda boleh dibersihkan dengan sabun dan air sejuk.



Perkara yang Perlu Dielakkan

1. Jangan dedahkan wang polimer secara langsung kepada cahaya panas atau suhu tinggi.





2. Jangan lipat wang polimer berulang kali, contohnya, menggunakannya sebagai bahan hiasan atau dalam aktiviti riadah.



3. Jangan gunakan gelung getah apabila mengumpulkan wang polimer semasa proses pembungkusan.



4. Jangan gunakan dawai kokot atau pin pada wang polimer.





5. Jangan gunakan gunting, pisau atau apa-apa objek tajam untuk membuka bungkusan wang polimer.

Sumber : Bank Negara Malaysia.

BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

ANDA MUNGKIN KEHILANGAN WANG ANDA!

Bank Negara Malaysia ingin mengingatkan orang ramai bahawa terdapat skim pengambilan deposit dan pelaburan haram yang kononnya menjanjikan pulangan yang lumayan buat pelabur.



Skim tersebut mengajak anda melabur dalam logam berharga seperti emas, perak atau pelaburan berkaitan dengan ternakan, tanah, komoditi dan pertukaran asing

Sesetengah daripada penganjur skim terus mengumpan pelabur dengan janji belian balik

Anda ditawarkan pulangan yang lumayan dalam tempoh masa yang pendek

Skim-skim tersebut dikatakan sebagai sah dan tidak mempunyai sebarang risiko

BERWASPADALAH!

Skim-skim tersebut mungkin merupakan satu lagi 'skim cepat kaya' atau dipanggil 'skim Ponzi'.

Wang yang anda laburkan mungkin digunakan untuk membayar 'pulangan lumayan' kepada pelabur lain.

Skim-skim sebegini adalah haram dan merupakan suatu penipuan. Anda mungkin kehilangan wang anda.

Sekiranya anda ragu-ragu, sila hubungi kami.

BNMTELELINK (Pusat Perhubungan Khidmat Pelanggan)
1-300-88-5465
Faksimile: 03-2174 1515 E-mel: bnmtelelink@bnm.gov.my

Untuk menghantar pertanyaan atau aduan melalui SMS, taip **BNM TANYA [pertanyaan/ aduan anda]** dan hantar kepada 15888

Untuk maklumat lanjut, sila rujuk Peringatan kepada Semua Pengguna Kewangan yang terdapat di laman sesawang Bank Negara Malaysia
www.bnm.gov.my

BNMLINK (Pusat Perkhidmatan Pelanggan)
Bank Negara Malaysia Kuala Lumpur (Blok D, Jalan Dato' Onn, 50480) atau kunjungi mana-mana cawangan BNMLINK di Bank Negara Malaysia: Johor Bahru, Pulau Pinang, Kuala Terengganu, Kota Kinabalu dan Kuching **(Waktu urusan: Isnin - Jumaat, 9:00 pagi - 5:00 petang)**

Bank Negara Malaysia
Talian Tol : 1-300-88-5465
E-mel : bnmtelelink@bnm.gov.my
Laman sesawang : www.bnm.gov.my

Agensi Kaunseling Dan Pengurusan Kredit (AKPK)
Talian Tol : 1-800-88-2575
E-mel : enquiry@akpk.org.my
Laman sesawang : www.akpk.org.my

Persatuan Bank-Bank Malaysia (ABM Connect)
Talian Tol : 1-300-88-9980
E-mel : banks@abm.org.my
Laman sesawang : www.abm.org.my

Biro Pengantaraan Kewangan (BPK)
Talian am : 03-2272 2811
E-mel : enquiry@fmb.org.my
Laman sesawang : www.fmb.org.my

Sebarang maklum balas sila e-melkan kepada ringgit@crrc.org.my